

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SABAH

KERATAN:

Utusan Borneo
SAB-A0352/12

TARIKH:
M/S:

24/02/2012
(B5)

Penguasaan bahasa etnik dapat dicapai dengan mempelajari perbendaharaan kata



Oleh HENRY BATING
hbating@gmail.com

U6
26/2/11/2012
mampu menguasai aspek membaca. Kemahiran membaca membolehkan pelajar memahami maksud teks yang dibaca. Dengan kemampuan memahami kandungan teks, pelajar mampu memberikan jawapan terhadap soalan-soalan kefahaman mengenai teks yang dibaca.

Antara kemahiran pengeluaran dan penerimaan bérbahasa, kemahiran penerimaan perlu dilatih terlebih dahulu. Pencapaian dalam aspek kemahiran penerimaan dapat menjadi asas yang kukuh untuk menguasai kemahiran pengeluaran. Ini bererti, pembelajaran bahasa khususnya bahasa kedua ataupun bahasa asing, perlu didahului dengan pembelajaran mendengar dan membaca. Kemahiran mendengar dipelajari dengan mendengar guru membunyikan bahasa dan memaknakan perkataan. Manakala kemahiran menulis dipelajari dengan memerhatikan guru menstrukturkan frasa, klausa dan ayat.

Dalam proses pembelajaran menguasai aspek kemahiran penerimaan dan aspek kemahiran pengeluaran, guru boleh memulakan pendekatan dengan mengambil aspek perbendaharaan kata sebagai fokus pembelajaran. Perbendaharaan kata atau kosakata atau 'vocabulary' merupakan perkara pokok yang perlu dipelajari ketika mempelajari sesuatu bahasa. Mengapa?

Sebabnya ialah dengan mengetahui dan memahami perbendaharaan kata, pelajar mempunyai bekalan untuk menerapkan perbendaharaan kata dalam pertuturan dan penulisan. Pelajar tidak akan mampu bertutur dan menulis sebarang perkataan jika tidak mempunyai pengetahuan dan pemahaman terhadap perbendaharaan kata (Wilkins, 1972; Knight, 1994). Pembelajaran perbendaharaan kata perlu dilaksanakan dengan tersusun dan terancang agar pelajar dapat meningkatkan penguasaan bahasa yang dipelajari dengan lebih cepat.

BAHASA etnik mudah dipelajari. Asalkan pengajar bahasa mampu mengenal pasti bahan dan kaedah pengajaran yang digunakan, pembelajaran bahasa etnik dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar tanpa kendala. Kekayaan perbendaharaan kata dari pelbagai sumber seperti glosari, kamus, cerita lisan dan cerita tertulis boleh digunakan untuk menyusun bahan bacaan yang sesuai. Kepelbagaiannya kaedah pengajaran bahasa yang telah dipelopori kalangan pengamal dan pengkaji pedagogi bahasa boleh digunakan dengan menyesuaikan pengajaran dengan aspek bahasa yang diajarkan.

Seperti yang dimaklumi dalam pedagogi bahasa, terdapat empat aspek utama dalam aktiviti berbahasa. Pertama mendengar, kedua bertutur, ketiga membaca dan keempat menulis. Keempat-empat kemahiran itu dapat digolongkan dalam dua kategori utama. Kategori pertama ialah mendengar dan membaca yang disebut sebagai kemahiran penerimaan. Manakala kategori kedua ialah bertutur dan menulis yang disebut sebagai kemahiran pengeluaran.

Matlamat utama mempelajari bahasa ialah menguasai pertuturan dan penulisan. Namun demikian, pelajar hanya mampu menguasai pertuturan apabila mampu menguasai aspek mendengar bahasa. Kemahiran mendengar membolehkan pelajar memahami apa yang diperkatakan orang lain terhadapnya, lalu memberikan sahutan dalam bentuk pertuturan berdasarkan apa yang didengar.

Pelajar juga hanya mampu menguasai penulisan apabila

Pada peringkat awal, perbendaharaan kata yang dipelajari adalah mengenai dengan kehidupan masyarakat tutur bahasa. Sorotan perbendaharaan kata yang berkaitan dengan kepelbagaiannya aspek kehidupan masyarakat tutur dilakukan kerana skopitum melibatkan penggunaan perbendaharaan kata dalam konteks kehidupan masyarakat berkaitan.

Penggunaan perbendaharaan kata yang berkaitan dengan pelbagai aspek kehidupan masyarakat tutur dilakukan atas hakikat bahawa pembelajaran bahasa adalah pembelajaran mengenai kebudayaan. Dalam pengajaran bahasa, pengetahuan yang diajarkan adalah isi kebudayaan (Lado, 1980). Pengajaran bahasa akan lebih menarik jika digabungkan dengan pengajaran budaya. Dalam pemerolehan bahasa pertama, penutur mempelajari budayanya tanpa sedar. Manakala dalam pembelajaran bahasa lain, pelajar mempelajari bahasa dengan menggunakan isi kebudayaan masyarakat tutur bahasa (Florito, 2000).

Pembelajaran bahasa memerlukan lingkungan asli bahasa yang dipelajari. Penggunaan konteks asli dapat memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai penggunaan bahasa dalam lingkungan pekerjaan dan sosial masyarakat penutur asli bahasa yang dipelajari (Haron et al., 2010).

Pelajar yang mengetahui dan memahami banyak perbendaharaan kata akan mampu menguasai aspek kemahiran membaca dan menulis dengan lebih cepat. Proses peningkatan penguasaan perbendaharaan kata memerlukan penekanan berterusan melalui komunikasi lisan dan penulisan (D.J. Henry, et.al., 2007; McCarthy, 1997, 2001; Davidson et al., 2007). Penguasaan perbendaharaan kata dapat membantu pelajar menguasai semua aspek berbahasa seperti kemahiran mendengar, bertutur,

membaca dan menulis.

Guru bahasa yang berdedikasi akan sentiasa memastikan pelajarnya mendapat bahan bacaan yang mengandungi perbendaharaan kata mengenai pelbagai aspek kehidupan masyarakat tutur bahasa. Sebab itu, adalah penting untuk diambil kira bahawabahan bacaan yang digunakan dapat mengajar dan menguji pelajar tentang perbendaharaan kata dalam berbagai-bagai disiplin ilmu (Abd Aziz, 2000).

Pengajaran bahasa boleh menggunakan pelbagai prinsip asas melibatkan strategi, kaedah dan teknik. Prinsip-prinsip serta teori-teori bahasa memerlukan perlaksanaan pendekatan kognitif, komunikasi, sosial, sosial-emosi, pandang dengar, fungsional-konseptual dan pendekatan semulajadi (Chamot dan Kupper, 1989; Demiral, 1993). Bahasa Kadazandusun sebagai salah satu bahasa etnik di Sabah boleh diajarkan dengan menggunakan Modul Bahan Bacaan Kebudayaan (BBK). Modul ini mengandungi bahan bacaan mengenai Kaamatan, diajarkan dengan menggunakan kaedah membaca ‘Top-down’, ‘Bottom-up’ dan ‘Main Peranan’ (Bating, 2012).

Bahan bacaan yang diberi nama BBK merupakan teks mengenai Kaamatan yang terdiri daripada 365 patah perkataan. Antara 365 patah perkataan itu, terdapat 75 patah perkataan dikenal pasti memiliki signifikan terhadap kandungan cerita. Teks itu boleh dibaca habis untuk mengetahui perbendaharaan kata dalam tempoh 10 minit. Selepas pembacaan, pemahaman teks dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kontrastif ‘Top-down’ dan ‘Bottom-up’ (Nunan, 2001). Pengukuhan terhadap pengetahuan dan pemahaman perbendaharaan kata dilakukan dengan menerapkan perbendaharaan kata dalam pertuturan melalui interaksi ‘main peranan’ yang diasaskan daripada teknik drama.